

Ruj. Kami : PNM(T) 076(59)

Tarikh : 24 Januari 2012

Semua jabatan/Pusat Tanggungjawab
Negeri Melaka

YB Datuk Wira/YB Datuk/Tuan/Puan,

**PENGGUNAAN PENYATA PEMUNGUT JANAAN SPEKS UNTUK URUSAN
MEMASUKKAN KUTIPAN KE BANK**

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa mulai **01 Februari 2012** penyata pemungut janaan SPEKS akan digunakan untuk memasukkan kutipan ke bank.

3. Bagi jabatan/PTJ yang menggunakan SPEKS tidak perlu menggunakan penyata pemungut bank (yang terdapat dalam tiga warna) untuk memasukkan kutipan ke bank sebaliknya akan menggunakan penyata pemungut janaan SPEKS (selepas ini dipanggil penyata pemungut SPEKS) untuk memasukkan kutipan ke bank. Contoh penyata pemungut adalah seperti di Lampiran A. Penyata pemungut SPEKS hendaklah dicetak dalam tiga (3) salinan untuk dihantar ke bank bersama amaun kutipan:

3.1 **Salinan pertama** akan diresitkan oleh bank dan **dikemukakan kepada Bendahari Negeri.**

3.2 **Salinan kedua** akan diresitkan oleh bank dan **dikembalikan kepada jabatan/PTJ.**

3.3 **Salinan ketiga** akan diresitkan oleh bank dan **disimpan untuk rujukan bank.**

4. Mulai dari 01 Februari 2012 juga nombor rujukan penyata pemungut SPEKS yang akan dijana secara auto adalah dengan nombor siri **lapan (8) digit 'alphanumeric'** yang bercirikan huruf **M** bagi kod negeri, huruf **AA** hingga **ZA** bagi jabatan / PTJ dan angka siri penyata pemungut dari **00001** hingga **99999**. Sila rujuk Lampiran B untuk jadual nombor siri yang lengkap.

(2)

Ruj. Kami : PNM(T) 076(59)


5. Bagi jabatan/PTJ Pemungut Persekutuan yang tidak menggunakan SPEKS tatacara dan penggunaan penyata pemungut sebagaimana yang ada sekarang adalah dikekalkan. Walaubagaimanapun nombor siri penyata pemungut hendaklah mengikut sebagaimana ditetapkan pada Lampiran B. Satu Daftar Penyata Pemungut hendaklah diselenggara bagi mengelakkan nombor penyata pemungut yang digunakan berulang.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“MELAKA MAJU NEGERIKU SAYANG, NEGERI BANDAR TEKNOLOGI HIJAU”

Saya yang menurut perintah



(SADIKIN BIN ATON)

Bendahari Negeri

MELAKA

s.k1 YB Datuk Pegawai Kewangan Negeri

2 **Encik Ja'afar bin Sebli**
Zon Manager,
Maybank Jalan Munshi
Abdullah, **75100 Melaka**

3 Pengurus,
Malayan Banking Bhd,
No. 114 & 114A, Graha
Peladang, Jalan Hang Tuah,
75300 Melaka

4 Pengurus,
Malayan Banking Bhd,
Jalan Simpang Ampat,
78000 Alor Gajah,

5 Pengurus,
Malayan Banking Berhad,
34 Main Road,
77100 Jasin,

- i.Sila rujuk Minit Mesyuarat Pengurusan Kutipan Hasil Kerajaan Negeri Bil.1 Tahun 2011 bertarikh 16 Jun 2011. Pihak bank diminta mencetak akuan terimaan pada setiap salinan penyata pemungut (dalam tiga salinan secara manual/dot matrik).
- ii.Pihak bank diminta memasukkan nombor penyata pemungut sebagai nombor rujukan dokumen.
- ii. Para 3 dirujuk, Satu salinan Penyata pemungut hendaklah dikemukakan kepada Bendahari Negeri Melaka pada hari berikutnya.